

23 FEB 2001

Mahathir-Sokongan

MAHATHIR GESA RAKYAT SARAWAK TERUSKAN SOKONG KERAJAAN NEGERI

KUCHING, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat Sarawak supaya terus menyokong kerajaan negeri yang telah membawa pembangunan besar sosio-ekonomi terhadap negeri ini.

Beliau berkata mereka tidak patut terpengaruh dengan sesetengah golongan yang berpendapat sebarang perubahan adalah baik.

"Jika tidak perlu kepada perubahan, kenapa harus ditukar? Kita mempunyai sebuah kerajaan yang baik, peliharalah ia, beri sokongan," kata Perdana Menteri pada majlis makan malam yang dihadiri para pemimpin masyarakat dan parti komponen Barisan Nasional di Bangunan Dewan Undangan Negeri di Petrajaya di sini malam ini.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak berkata beliau kagum dengan kepesatan pembangunan yang berjalan di negeri ini.

Katanya banyak pembinaan dan bangunan baru yang didirikan setiap kali beliau melawat negeri ini.

Ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dilihat di sesetengah negara yang masih bergelut dengan krisis ekonomi, katanya.

Dr Mahathir memuji kerajaan negeri kerana pandangan jauhnya untuk memulakan kilang mikrocip yang canggih yang dirasmikan beliau terdahulu hari ini.

Perdana Menteri berkata industri sedemikian adalah sesuatu yang negeri lain tidak mampu untuk mencapainya.

Dr Mahathir berkata Sarawak telah maju daripada menanam padi di Bario kepada mengeluarkan mikrocip canggih berteknologi tinggi.

"Sarawak kekal aman damai, begitu stabil dan harmoni dan saya berpendapat kita patut mengekalkan kerajaan yang ada ini," katanya.

-- BERNAMA

AZZ HS RON